

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif**

**PENGURUSAN UPACARA MIRING “*NEMBLIAK BARU ADA*” DI  
DASSEY BUDU, SARATOK**

**Shareena Chela Anak Rawing**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian**

**(WA59 - Pengurusan Seni)**

**2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

JUDUL: PENGURUSAN UPACARA MIRING "NEMBIAK BARU ADA" DI DASSEY BUDU, SARATOK

**SESI PENGAJIAN : 2015/2016**

Saya : SHAREENA CHELA ANAK RAWING

Mengaku membenarkan tesis/laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan( / )

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD


(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

**Disahkan**



Tandatangan Penulis  
Tarikh :



Tandatangan Penyelia  
Tarikh : 8/7/2016

Alamat tetap :  
Rumah Manggat,  
Menyang Taih,  
95900 Lubok Antu,  
Sarawak.

**Alexander ak Chelum**  
Lecturer  
Faculty of Applied and Creative Arts  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

**PENGURUSAN UPACARA MIRING “*NEMBLIAK BARU ADA*” DI DASSEY BUDU,  
SARATOK**

SHAREENA CHELA ANAK RAWING

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Pengurusan Upacara Miring “*Nembiak Baru Ada*” di Dassey Budu, Saratok**' telah disediakan oleh **Shareena Chela anak Rawing** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

( Encik Alexander Chelum )

Tarikh :

---

## **PENGHARGAAN**

Syukur dipanjatkan doa kerana berkat daripada-Nya dapat menghasilkan kajian ini dengan sempurna. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Encik Alexander Peter anak Chelum kerana telah membimbing dan memberi nasihat sepanjang menjalankan kajian ini.

Tidak lupa pula ucapan ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan adik beradik yang telah membantu menjalankan kajian ini. Bantuan yang diberi amat dihargai sama ada dari segi kewangan dan juga moral. Selain itu, terima kasih juga kepada saudara-mara dan penduduk Dassey Budu yang telah membantu memberi maklumat sepanjang kajian ini dijalankan oleh pengkaji.

Di samping itu, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang telah memberi sokongan sepanjang menjalankan kajian ini. Pertolongan daripada rakan-rakan dapat menyempurnakan kajian ini. Kerjasama daripada semua pihak yang berkaitan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih kerana mambantu memberi sumber maklumat mengenai kajian yang dijalankan pengkaji.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGHARGAAN	i
	SENARAI KANDUNGAN	ii-v
	ABSTRAK	vi-vii
1.0	BAB 1 PENGENALAN	
	1.0 pendahuluan	1
	1.1 Pengenalan Kajian	1
	1.1.1 Masyarakat Iban di Sarawak	1-4
	1.1.2 Sejarah Saratok Sarawak	4-5
	1.2 Latar Belakang Kajian	6-7
	1.3 Permasalahan Kajian	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Skop Kajian	11
	1.6.1 Penduduk Dassey Budu, Saratok	11
	1.7 Kepentingan Kajian	12
	1.8 Limitasi Kajian	13
	1.9 Kesimpulan	14
2.0	BAB 2 : KAJIAN LITERATUR	
	2.0 Pendahuluan	15
	2.1 Kajian Literatur	15
	2.2 Definisi	16-19
	2.3 Kepercayaan Masyarakat Iban	20-21
	2.4 Adat Resam Kelahiran Masyarakat Di Sarawak	22
	2.4.1 Masyarakat Melayu	22-25
	2.4.2 Masyarakat Cina	26-27

	2.4.3 Masyarakat India	28-30
	2.4.4 Masyarakat Bidayuh	31-32

	2.5 Jenis Upacara Miring “Nembiak Baru Ada” Bagi Masyarakat Iban	33
	2.5.1 Memberi “Anak Mit” Makan Garam	33-34
	2.5.2 Memberi Nama “Anak Mit”	34
	2.5.3 Memberi “Anak Mit” Mandi Ke Sungai	34-36
	2.5.4 Membawa “Anak Mit” Masuk Bilik Orang Lain	36
	2.6 Leka Sampi (Jampi) dan Biau Upacara Miring “Nembiak Baru Ada”	37-43
	2.7 Kesimpulan	44
3.0	BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
	3.0 Pendahuluan	45-46
	3.1 Proses Penyelidikan	46
	3.2 Lokasi Kajian	47
	3.3 Reka Bentuk Kajian	48
	3.1.1 Kerangka Kajian	48-51
	3.4 Kaedah Pengumpulan Data	52-55
	3.5 Data Analisis	56
	3.6 Sasaran Kajian	57
	3.7 Instrument Kajian	58
	3.8 Persampelan	58
	3.9 Kesimpulan	59
4.0	BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
	4.0 Pengenalan	60-61
	4.1 Mengkaji aspek pengurusan upacara miring “ <i>nembiak baru ada</i> ” di Dassey Budu, Saratok	62
	4.1.1 memberi “ <i>anak mit</i> ” makan garam ( <i>nengkadah hari enggau ngetup garam</i> )	62-64
	4.1.2 memberi nama “ <i>anak mit</i> ”	65-66
	4.1.3 Memberi “ <i>anak mit</i> ” mandi ke sungai	67-70



	4.1.4 Membawa “ <i>anak mit</i> ” masuk ke rumah orang lain	71-72
	4.2 Mengenalpasti jenis-jenis peralatan ritual yang digunakan semasa upacara miring “ <i>nembiak baru ada</i> ” di Dassey Budu	73
	4.2.1 Peralatan memberi “ <i>anak mit</i> ” makan garam	73-74
	4.2.2 Peralatan memberi nama “ <i>anak mit</i> ”	74-75
	4.2.3 Peralatan memberi “ <i>anak mit</i> ” mandi ke sungai	75-80
	4.2.4 Peralatan membawa “ <i>anak mit</i> ” masuk ke rumah orang lain	81-82
	4.3 Mengetahui faktor-faktor upacara miring “ <i>nembiak baru ada</i> ” kurang diamalkan di Dassey Budu, Saratok	83-84
	4.4 Kesimpulan	85
5.0	BAB 5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
	5.0 Pengenalan	86
	5.1 Perbincangan	87-89
	5.2 Cadangan kajian	90
	5.2.1 Cadangan Kepada Penduduk Dassey Budu	90-92
	5.2.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	92
	5.3 Penutup	93
	RUJUKAN	94-97
	LAMPIRAN	98-99

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah sebuah kajian mengenai upacara miring “*nembiak baru ada*” di Dassey Budu, Saratok. Objektif dalam kajian ini adalah mengkaji aspek pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” di Dassey Budu, Saratok, mengenalpasti jenis-jenis peralatan ritual yang digunakan semasa upacara miring “*nembiak baru ada*” di Dassey Budu, Saratok dan mengetahui faktor-faktor upacara miring “*nembiak baru ada*” kurang diamalkan di Dassey Budu, Saratok. Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan menemu bual seramai lima orang informan yang pakar dalam bidang kajian ini.

## **ABSTRACT**

This research is about the birth ceremony for Ibans at Dassey Budu, Saratok. The objective of this study is to examine the aspects of the management of the new born ritual at Dassey Budu, Saratok, identifying the types of ritual equipment used during the birth ceremony at Dassey Budu, Saratok and find out the factors of the birth ceremony decreased at Dassey Budu, Saratok. In this study, the methodology used interviewed five informants who were experts in this field of study.

## **BAB 1 : PENGENALAN**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Dalam kertas kerja ini, pengkaji akan membincangkan tentang kajian yang bertajuk “Pengurusan upacara miring *“nembiak baru ada”* di Dassey Budu, Saratok”. Melalui kertas kerja ini juga, pengkaji akan membincangkan permasalahan dan objektif sebelum merangka perancangan tentang subtopik yang lain. Dalam kertas kerja ini, perkara yang dibincangkan merangkumi pengenalan kajian, latar belakang kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan limitasi kajian.

### **1.1 PENGENALAN KAJIAN**

Bahagian Saratok Sarawak menjadi fokus utama pengkaji dalam pengurusan upacara miring *“nembiak baru ada”*. Bagi memahami upacara miring *“nembiak baru ada”* ini, pengkaji akan menceritakan tentang asal usul masyarakat Iban Sarawak, sejarah Saratok di Sarawak dan latar belakang kajian terlebih dahulu.

#### **1.1.1 MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK**

Menurut Freeman D. (1970), “orang dayak adalah kumpulan pribumi tunggal yang paling ramai penduduk di Malaysia. Secara tradisinya, kaum iban tinggal di rumah panjang yang terletak di sepanjang sungai-sungai utama dan sungai-sungai kecil pedalaman di Sarawak. Kaum Iban bertumpu di bahagian barat laut Kepulauan Borneo namun ada juga sebilangan orang Iban di Kalimantan Barat, Indonesia, iaitu di sebuah kawasan di sekitar Sungai Kapuas.

Pada masa dahulu, setelah orang Iban menetap beberapa dekad di sepanjang Sungai Merakai, Indonesia, salah seorang ketua mereka yang bernama Gelungan bersama pengikut-pengikutnya telah keluar dari kawasan itu untuk mencari suatu penempatan baru yang lebih baik dan selesa. Kemudian, mereka telah menetap di Bukit Balau yang terletak antara Merakai dan Sungai Batang Undop. Mereka diikuti pula oleh kumpulan kedua orang Iban yang diketuai seorang ketua bernama Langkup. Kumpulan kedua ini telah menetap di tengah-tengah kawasan Batang Undop. Setelah dua kumpulan ini menetap di Bukit Balau dan Batang Undop, kumpulan ketiga orang Iban yang diketuai oleh Jelian telah menetap di Wong Empangu, iaitu di kawasan hilir Batang Undop” (p.11)

Menurut Jeniri A. (2010), “Kaum Iban tinggal di sekitar 5,000 rumah panjang yang kebanyakannya daripada pendalaman seperti Sri Aman, Betong, Kapit, Song, Bintulu, Sibul dan hampir sepanjang Sungai Rajang”. Masyarakat Iban dahulu suka mengembara dan juga berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Penempatan asal mereka sukar ditentukan dengan tepat.

Menurut thesis Chemaline anak Asup (2006), “Masyarakat Iban dikatakan berasal dari satu daerah kecil di Kalimantan, Indonesia. Terdapat dua puluh tiga etnik di Sarawak ialah Dayak Iban (Iban Skrang, Iban Miri-Bintulu-Limbang, Iban Saribas, Iban Batang Rajang, Iban Undop, Iban Lemanak dan Iban Malikin), Melanau (Seduan, Segalang, Belium, Bintulu, Segahan, Matu/Mato Daro, Oya, Mukah, Rejang, Igan, Siteng, Tatau, Balingian, Kanowit, Sekapan, Kejaman, Lahuna, Banyok), Bidayuh (Orang Biatah, Bukar–Sadong, Bau–Singghi-Jagoi, Selakau dan Lara), Kenyah (Orang Batu Biah, Murik, Lisong, 2 Sebob, Sipang, Long Kipat, Lepu Aga, Lepu Tau, Nyamok dan Uma Kulit), Melayu, Kedayan, Belait, Sebuyau, Kayan, Punan, Penan (kumpulan yang masih nomadik), Tebun, Bukat/Ukit, Bisaya, Baketan, La’en, Tagal, Lelak, Sian/Sa’an, Lugat, Lisun, Kelabit, Lun Bawang/Lun Dayeh (Murut)”.

Majoriti kaum ini tinggal di kawasan tanah rendah, kawasan tanah tinggi dan kawasan pesisir pantai. Masyarakat Iban kebiasaannya tinggal di rumah panjang dengan diketuai oleh seorang ketua kampung (tuai rumah) yang menjadi pemimpin atau pentadbir di rumah panjang tersebut. Ketua kampung dipilih daripada warga tua yang berpengalaman di kampung tersebut.

Menurut Jemat Umpor dalam buku Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban yang ditulis Tugang, N., (2014), bahagian Sri Aman ini merupakan petempatan paling awal orang Iban yang berhijrah dari Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia ke negeri Sarawak. Beliau juga menerangkan orang Iban di bahagian ini masih mengekalkan ekonomi sara diri seperti penanaman padi menggunakan kaedah tradisi, memburu binatang dan menangkap ikan menggunakan kaedah tradisi.

Menurut Margaret Linggi, (1991) dalam thesis yang ditulis Daro. M (2014) yang bertajuk “kesan modenisasi terhadap penggunaan pakaian tradisional dalam adat perkahwinan masyarakat Iban di pekan Engkelilie”, menyatakan kaum Iban terawal ialah di Lubok Antu. Lubok Antu merupakan sebuah bandar yang paling banyak masyarakat Iban dalam bahagian Sri Aman. Penempatan kaum Iban yang terdahulu ialah di batangan Sungai Batang Lupar dan kemudiannya berkembang ke Sungai Rajang, Sungai Sadong, Sungai Saribas, Sungai Kalaka, Sungai Balingian, Sungai Kemena, Sungai Limbang dan Sungai Lawas. Beliau juga menerangkan Kaum Iban majoriti mendiami daerah serta bahagian di Kota Samarahan, Sri Aman, Kapit, Sarikei, Sibul, Bintulu dan Miri. Biasanya masyarakat Iban akan berkampung di tebingan sungai dan jalan raya untuk memudahkan aktiviti kerja serta berkomunikasi antara satu sama lain.

Secara kesimpulannya, walaupun terdapat pelbagai pendapat mengenai kedatangan masyarakat Iban namun pengkaji dapat menyimpulkan bahawa masyarakat Iban kebanyakannya tinggal di Sarawak.

### 1.1.2 SEJARAH SARATOK SARAWAK



Gambar 1 : pejabat Daerah Saratok lama

Berdasarkan Portal Rasmi Bahagian Betong (2016), pejabat Daerah Saratok dahulunya dikenali sebagai “Fort Charles” yang dibina oleh seorang kakitangan Kerajaan Brooke iaitu Maxwell pada tahun 1878. Daerah saratok ini terletak di tengah-tengah pusat Bandar Saratok iaitu di atas bukit Segatok yang merupakan bangunan bersejarah di Daerah Saratok. Pejabat Daerah Saratok telah beroperasi sebelum Merdeka lagi iaitu sekitar tahun 1888 sehingga tahun 2008 di Bangunan yang sama.



Gambar 2 ini merupakan pejabat Daerah Saratok sekarang yang terletak kira-kira 200 meter dari bangunan asal yang telah dirasmikan pada 30 Ogos 2009 di atas tanah Lot 42 Saratok Town District.

Menurut portal rasmi Pentadbiran Bahagian Betong, nama Saratok dibuat berdasarkan buku “Legends & History of Sarawak” yang ditulis oleh Pat Foh Chang pada tahun 1999. Kewujudan Saratok ini dikaitkan dengan seorang warga tua melayu yang bergelar “Datuk” dan rakannya yang lain ingin mengunjungi saudaranya yang berasal dari kawasan Saratok

pada ketika itu. Disebabkan sudah berusia, beliau sering kali berjalan menuju ke arah yang salah. Salah seorang rakannya selalu menegur beliau dengan berkata “Salah Tok” dan akhirnya dituturkan secara perlahan sebagai “Saratok” hingga ke hari ini.

Berdasarkan versi lisan pula, kewujudan nama Saratok dipercayai berpunca daripada pokok ‘Salak’ yang dikatakan banyak terdapat di kawasan pekan Saratok pada masa itu. Pengunjung yang datang sering mengatakan “Salak Tu” yang bermaksud ini adalah pokok Salak. Maka secara perlahan ia dituturkan sebagai “Saratok”.

Manakala, menerusi buku “The Living Legends: Borneo Telling Their Tales” yang dikarang oleh Benedict Sandin, kewujudan nama “Saratok” diperkatakan berpunca daripada kumpulan Seru yang diketuai oleh pahlawan yang bernama “Segatok” yakni melarikan diri daripada serangan orang Iban ke sebuah “*Munggu*” (bukit). Difahami bahawa “*Munggu*” tersebut dinamakan sebagai “Munggu Segatok” sempena nama ketua kumpulan mereka. Berdasarkan nama bukit itu maka wujudlah nama Saratok tersebut disebabkan pejabat Daerah Saratok dahulu terletak di atas “*Munggu*” tersebut sebelum berpindah ke lokasi yang baru pada masa sekarang.

Secara ringkasnya, asal usul nama Saratok didapati daripada pelbagai versi seperti berasal daripada bukit Segatok, pokok Salak dan kumpulan Seru sehingga mewujudkan nama Saratok pada hari ini. Pengkaji membuat penulisan mengenai sejarah Saratok kerana tempat pengkaji menjalankan kajian di Dassey Budu yang terletak di Saratok.



## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian yang berkaitan dengan aspek pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” yang di jalankan di Dassey Budu, Saratok. Pengkaji hanya menekankan beberapa aspek mengenai pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” seperti memberi makan garam (*nengkadah hari*), memberi nama “*anak mit*”, memberi “*anak mit*” mandi sungai dan membawa “*anak mit*” masuk ke rumah orang lain. Kajian ini hanya fokus kepada bayi yang berumur kurang daripada setahun yang belum tumbuh gigi.

Menurut Sinyang A. (2014), “Upacara Miring ialah upacara persembahan atau berdoa kepada Tuhan atau *petara* bagi memberkati permintaan dan mendapat perlindungan daripada sesuatu ancaman”. Upacara miring ini diadakan bagi memberkati penduduk, melindungi, membawa kebahagiaan, kedamaian dan keharmonian dalam masyarakat Iban. Kebiasaanya, miring diadakan sebelum aktiviti penting atau sesudah malapetaka dan kejadian tidak diingini menimpa.

Terdapat empat tahap penggunaan piring iaitu piring tiga, piring lima, piring tujuh, dan piring sembilan. Tiga dianggap sebagai miring biasa misalnya, untuk mereka yang mengalami mimpi buruk dan bersawah, manakala lima piring adalah untuk mendirikan rumah panjang, tujuh piring adalah untuk aktiviti yang lebih tinggi seperti untuk *bejalai* atau mengembara jauh, dan sembilan piring untuk peperangan (Jeniri A. 2010).

Mengikut adat tusun tunggu Iban, bagi tahap lima ke atas, babi perlu digunakan. Dalam piring tersebut akan dimasukkan sesaji atau persembahan kepada *petara* seperti nasi pulut putih, nasi pulut hitam, nasi putih, rokok apung, tembakau, telur yang sudah dimasak, daun sirih dan pinang, garam, minyak masak, sagun, bulu ayam, kapu dan ‘letup’ semua ini perlu disiram dengan air tuak (Gregory N. M).

Menurut Dagang L. (2007), “masyarakat Iban masih berpegang kuat dengan kepercayaan animisme. Mereka turut merayakan upacara berbentuk keagamaan dengan memuja alam sekitar seperti pokok” (p.2). Kepercayaan kaum Iban yang diwarisi secara turun-temurun ini tidak berubah dari segi prinsipnya namun cara pengurusannya mungkin agak sedikit berubah mengikut kawasan tertentu.

Pada zaman dahulu, upacara miring “*nembiak baru ada*” wajib dijalankan apabila tali pusat bayi telah tertanggal. Biasanya, upacara ini akan diadakan di “*ruai*” yang merupakan tempat untuk orang rumah panjang bermesyuarat atau melakukan sebarang aktiviti di rumah panjang.

Masyarakat Iban dahulu sangat berpegang kepada adat dan budaya namun peredaran zaman telah menyebabkan berlakunya perubahan terhadap kebudayaan sesuatu bangsa dan kaum kerana dipengaruhi oleh persekitaran yang lebih dominan dan mudah diterima oleh orang ramai. Perubahan kebudayaan ini juga turut mempengaruhi cara kehidupan masyarakat Iban. Contohnya, upacara miring “*nembiak baru ada*” kini kurang dijalankan oleh masyarakat Iban.

Isu kajian ini ialah mengenai aspek pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” kurang dijalankan di Dassey Budu, Saratok. Jadi generasi kini kurang mahir dalam pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” ini.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut salah seorang penduduk Dassey Budu iaitu cik Rosline, cara-cara pengurusan sambutan upacara miring “*nembiak baru ada*” kini kurang diketengahkan kepada penduduk di Dassey Budu. Jadi, generasi yang baru kurang mengetahui cara pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” ini. Pengkaji juga mendapati bahawa generasi kini kurang mengetahui peralatan atau bahan yang digunakan semasa upacara miring “*nembiak baru ada*” ini berlangsung.

(sumber: temu ramah bersama cik rosline pada 4 September 2017)

**Adat meri anak mit mandi sungai bisi dipejalai nyerumba Gawai**

Utusan Borneo (Sarawak) 5 Jun 2016  
+6 more

**KAPIT:** Baserimbai enggau Pengerami Gawai Dayak, bisi diatur mega seiti ari adat kitai Iban iya nya pengawa meri anak mit mandi ke sungai.

“Meri anak mandi ke sungai ngembuan reti iya nya besampi ngagai petara awakka ulih ngemataka pejalai pengidup anak mit ke udah dipandi maya iya ngereja pengawa ba sungai jemah,”ku Siong Aso,46 ari Rumah Sekudan.

Sebedau ngepun ke adat tu,



**ADAT MERI ANAK MIT MANDI:** Siong benung nyungka seiku anak mit ke terubah dibai mandi ke sungai kelai minta berekat ari petara sungai.

diak sekedra raban deka mai kereban asal betabuh mangkung tawak enggau nebah gendang dikena ngiring anak mit tu tadi nurun ke pendai.

“Diatu adat baka nya nyau jarang digaga apai indai kemaya hari tu nyangka ketegal enggai kiruh tauka enda nemu bejalaika adat nya.”

“Mayuh agi sida iya ke diau di mengeri. Nyala ai adat tu baka enda tentu dikeibuh ke sida rebak diatu ngujungka iya majak lenyau,”ku Siong.

Sida ke ngiring anak mit nurun mandi tu tadi bekena ke ngepan Iban iya nya bala indu ngena kain kebat lebih agi orang ke nyungka anak mit mandi.

Maya tu mega sida bisi bebai ke piring lalu dibuai ke sungai endur anak mit tu disunga tanda minta berekat ari petara ke nyaga ngemataka anak mit nya.

Adat tu mega kekadang dipeda bisi bebida laban nitilka chara bala ketuai ngatur pengawa tu sereta nitilka menus diri empu.

(Sumber:<https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sarawak/20160605/281844347896683>)

Menurut Utusan Borneo (2016), “*diatu adat bakanya nyau jarang digaga apai indai kemaya hari tu nyangka ketegal enggai kiruh tauka enda nemu bejalaika adatnya*”. Upacara kelahiran semakin kurang dijalankan kerana segelintir ibu bapa kini kurang mahir dalam pengurusan upacara kelahiran ini. Upacara miring “*nembiak baru ada*” wajib dijalankan di Dassey Budu. Namun, upacara miring “*nembiak baru ada*” kini kurang diamalkan oleh penduduk di kampung ini kerana sebilangan penduduk di sini telah menganuti agama. Oleh itu, isu kajian ini ialah mengenai aspek pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” kurang dijalankan di Dassey Budu, Saratok. Jadi generasi kini kurang mahir dalam pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” ini.

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Menurut Sheikh Othman bin Sheikh Salim, Md. Nor bin Hj. Ab. Ghani & Ibrahim bin Ahmad (1993), objektif kajian ialah sesuatu yang khusus yang ingin dicapai berasaskan kenyataan atau fakta. Berikut merupakan objektif kajian pengkaji :

- a) Mengkaji aspek pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” di Dassey Budu, Saratok.
- b) Mengenalpasti jenis-jenis peralatan ritual yang digunakan semasa upacara miring “*nembiak baru ada*” di Dassey Budu, Saratok.
- c) Mengetahui faktor-faktor upacara miring “*nembiak baru ada*” kurang diamalkan di Dassey Budu, Saratok.

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji akan menjawab beberapa persoalan. Secara lebih terperinci persoalan-persoalan yang akan dijawab oleh pengkaji ialah :

- a) Bagaimanakah cara pengurusan sambutan upacara miring "*nembiak baru ada*" dijalankan di Dassey Budu, Saratok.
- b) Apakah peralatan yang digunakan semasa upacara miring "*nembiak baru ada*" dijalankan di Dassey Budu, Saratok.
- c) Apakah faktor yang menyebabkan upacara miring "*nembiak baru ada*" di Dassey Budu semakin kurang diamalkan.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Dalam skop kajian ini, pengkaji hanya fokus kepada penduduk Dassey Budu sahaja.

### **1.6.1 PENDUDUK DASSEY BUDU, SARATOK.**

Pengkaji menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mencapai objektif kajian ini. Kaedah temubual akan dijalankan bersama beberapa orang penduduk disini yang pakar mengenai upacara miring “*nembiak baru ada*” untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci tanpa mengira jantina. Pengkaji akan menfokuskan kepada pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” seperti memberi makan garam, memberi nama, memberi mandi ke sungai, membawa masuk ke rumah orang lain.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

### **a) PENGKAJI**

Kajian yang dilakukan ini dapat memberi kepentingan dari sudut ilmu pengetahuan kepada pengkaji sendiri. Melalui kajian ini juga pengkaji dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada. Kajian ini juga penting supaya pengkaji dapat mengetahui lebih terperinci mengenai aspek pengurusan upacara miring "*nembiak baru ada*" dijalankan di Dassey Budu, peralatan yang digunakan ketika upacara ini berlangsung dan faktor-faktor upacara miring "*nembiak baru ada*" ini kurang dijalankan di kampung ini.

### **b) PENGKAJI AKAN DATANG**

Melalui kajian ini, pengkaji yang akan datang boleh menggunakan kajian ini sebagai panduan atau rujukan terutamanya dari segi penulisan. Di samping itu, pengkaji yang akan datang juga dapat memperolehi ilmu melalui kajian ini terutamanya dari aspek pengurusan upacara miring "*nembiak baru ada*". Pengkaji akan datang juga dapat mengetahui peralatan ritual yang digunakan semasa upacara ini dijalankan dan dapat mengetahui faktor-faktor upacara miring "*nembiak baru ada*" kurang diamalkan di Dassey Budu, Saratok.

### **c) MASYARAKAT (PENDUDUK DASSEY BUDU, SARATOK)**

Dengan adanya kajian ini, pengkaji secara tidak langsung dapat membantu masyarakat dalam mengetahui secara mendalam tentang pengurusan upacara miring "*nembiak baru ada*" walaupun upacara ini sudah jarang diamalkan. Selain itu, masyarakat juga dapat mengetahui serba sedikit mengenai faktor-faktor upacara miring "*nembiak baru ada*" kurang diamalkan di Dassey Budu, Saratok. Masyarakat juga boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan terutamanya tentang adat kaum Iban ini.

## 1.8 LIMITASI KAJIAN

Dalam melaksanakan kajian ini ditetapkan limitasi seperti berikut:

- a) Kajian ini akan menumpukan kepada aspek pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” di Dassey Budu, Saratok. Antara topik yang akan dibincangkan ialah upacara memberi makan garam, memberi nama “*anak mit*”, memberi “*anak mit*” mandi ke sungai, dan membawa “*anak mit*” masuk rumah orang lain (*jerungkan atap*).
- b) Menyenaraikan jenis-jenis peralatan ritual yang digunakan semasa upacara miring “*nembiak baru ada*” berlangsung di Dassey Budu, Saratok.
- c) Kajian ini juga akan membincangkan tentang faktor-faktor upacara miring “*nembiak baru ada*” kurang diamalkan di Dassey Budu, Saratok.
- d) Pengkaji akan menemu ramah ketua kampung Dassey Budu iaitu Gayan anak Tupai tentang faktor-faktor upacara miring “*nembiak baru ada*” ini kurang dijalankan.
- e) Beberapa orang penduduk di sini yang mahir tentang aspek pengurusan upacara miring “*nembiak baru ada*” dan tentang peralatan ritual yang digunakan ketika upacara ini berlangsung akan ditemubual untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci.